

# Hulur bantuan sesama insan amalan mulia

## Sifat prihatin, bekerjasama tangani musibah eratkan silaturahim antara masyarakat

**K**ESUKARAN dilalui rakyat Mesir sudah lama berlaku. Kesempitan hidup dan tekanan kewangan bukan saja memberi kesan kepada ekonomi, tetapi sosial, budaya dan taraf hidup rakyat negara itu.

Kesabaran rakyat berakhir apabila mendesak pemerintah mengikut telunjuk mereka. Ia menyebabkan kesusahan kepada rakyat yang tidak terbabit secara langsung.

Situasi ini turut menyukarkan hidup rakyat Malaysia di sana. Namun, tiada kemudaratan besar menimpa mereka. Bantuan pelbagai pihak dalam urusan menyelamat patut disyukuri.

Begitu juga musibah banjir yang berlaku di negara ini. Ia menguji keimanan mereka yang ditimpa kesusahan, betapa waktu senang sering membuatkan manusia lupa akan kesusahan.

Waktu senang membuatkan manusia angkuh dengan Tuhan. Justeru bencana yang berlaku patut dijadikan peringatan, betapa nikmat-Nya bukan milik kita. Manusia memerlukan antara satu sama lain, baik waktu senang mahupun susah.

Sifat prihatin, bekerjasama, bertolak ansur dan berkorban mampu mengekalkan keharmonian, sekali gus mengeratkan silaturahim sesama insan dan menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Firman Allah bermaksud: *“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana*



**BANTUAN** yang dihulurkan dapat meringankan beban selain mengeratkan silaturahim antara umat Islam.

*sesungguhnya Allah maha berat azab seksanya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya.”* (Surah Al-Maaidah, ayat 2)

Apa pun bentuk bantuan, ia tidak menjadi perhitungan kerana yang penting ialah membantu meringankan beban.

Ibu bapa yang kehilangan kasih anak tentunya mengharapkan perhatian, bukan wang ringgit. Begitu juga mereka yang tandus akal dan fikiran, mereka mengharapkan

bantuan nasihat dan panduan supaya keputusan diambil menjadi penunjuk jalan.

Setiap bantuan yang dinafkahkan pada jalan Allah bukan saja akan dikenang, malah mendapat ganjaran Allah.

Firman Allah bermaksud: *“Perumpamaan nafkah dikeluarkan orang yang menafkahkan pada jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai*

*pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah maha luas kurnia-Nya lagi maha mengetahui.”* (Surah Al-Baqarah, ayat 261)

Rasulullah SAW adalah contoh terbaik sebagai insan banyak membantu golongan yang memerlukan. Baginda tidak pernah membiarkan orang yang menemuinya pulang tanpa dibantu, bahkan akan berusaha mengurangkan beban mere-

ka tanpa mengira pangkat, kedudukan, warna kulit, agama mahupun jantina.

Rasulullah SAW juga tidak takut menjadi miskin disebabkan pertolongan diberikan kepada orang lain kerana Baginda yakin pemilik rezeqi adalah Allah yang berkuasa memberi dan menarik setiap apa yang dianugerahkan.

Diriwayatkan daripada Anas, *“Sesungguhnya seorang lelaki meminta kepada Nabi SAW kambing kepunyaan Baginda yang di gembala di antara dua gunung. Lalu Baginda pun memberikan kambing itu kepadanya. Selepas pulang ke negerinya, dia berkata kepada kaumnya: hendaklah kamu mengikut Islam kerana sesungguhnya Muhammad memberi bantuan yang tidak sedikit sebagai orang yang tidak takut kepapaan.”* (Hadis riwayat Al-Imam Muslim)

Kesediaan untuk saling membantu sesama insan tanpa mengira pegangan agamanya adalah amalan mulia yang turut membantu menyebarkan syiar Islam ke seluruh alam.

Akhlahk mulia yang ditonjolkan atas dasar kemanusiaan akan sentiasa memberi pulangan lumayan kepada agama serta penganutnya, sekali gus menolak dakwaan Islam adalah agama yang menganjurkan kezaliman dan menafikan kasih sayang sesama manusia.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom**